

12 JANUARI 2018

Farid Kamil hilang akal

HARIAN METRO



Farid Kamil hilang akal

■ Pelakon ditahan tampar polis, tendang orang awam di balai positif ganja

Petaling Jaya: Pelakon dan pengarah filem, Datuk Farid Kamil, berkelakuan aneh apabila turut menampar seorang lelaki yang menumpangkannya menaiki kereta ke Balai Polis Damansara, di sini, ketika kejadian.

Berdasarkan laporan polis dibuat, mangsa berusia 34 tahun itu dikatakan terlebih dahulu menemui Farid Kamil dalam keadaan tidak memakai baju di tepi jalan.

Dia kemudian membawa Farid Kamil ke sebuah restoran untuk mendapatkan baju dipinjamnya daripada pemilik restoran itu.

Mangsa mendakwa pelakon itu berkelakuan aneh dengan mengambil gambarnya menggunakan telefon pintar selain cuba memegang stereng kereta ketika dia memandu ke Balai Polis Damansara.

Namun sebaik tiba di balai polis, Farid Kamil menampar pipi kiri lelaki terbabit sebelum menampar pula anggota polis yang berada di kaunter.

Malah, lelaki itu turut ditendang Farid Kamil di perut dan kemaluan sebelum artis itu ditahan anggota polis di balai itu.

Mangsa turut membuat laporan di balai polis Damansara berhubung tindakan Farid Kamil.

Sebelum itu, seorang lagi saksi kejadian, Azizi Ibrahim turut terserempak Farid Kamil berjalan seorang diri tanpa memakai baju berhampiran Tropicana Kota Damansara, di sini, jam 12 tengah hari ketika dalam perjalanan ke Bandar Utama.

Katanya, aksi artis itu berjaya dirakam kamera papan pemuka yang terdapat dalam kenderaannya.

nyerahkan kes berkenaan kepada pegawai penyiasat dan pihak atasan untuk melakukan siasatan selain tidak mahu mengulas lebih lanjut berhubung kejadian itu.

Sementara itu konstabel polis yang ditampar Farid Kamil ketika dihubungi berkata dia masih terkejut dengan tindakan artis itu.

Dia memang tidak menyangka selebriti itu melakukan perbuatan agresif apalagi di dalam balai polis.

Dia bagaimanapun me-

GELAGAT Farid Kamil yang berjalan seorang diri dan tidak memakai baju dirakam kamera papan pemuka.

ja ketika kejadian.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohd Zani Che Din mengesahkan perkara berkenaan selepas ujian air kencing dilakukan dan didapati pelakon itu positif dadah jenis ganja.

Menurutnya, siasatan mendapati suspek datang ke balai polis bersama seorang lelaki untuk membuat laporan berhubung kes kemalangan jalan raya sekitar jam 1.20 tengah hari semalam.

"Namun ketika dalam proses memberi keterangan kepada seorang anggota polis trafik, Farid sebaliknya menunjukkan mesej aplikasi WhatsApp artikel 300 artis hutang ah long.

"Dia kemudian terus menampar anggota polis terbabit dan menendang dua orang awam yang berada di lokasi kejadian," katanya.

Susulan itu artis terbabit ditahan sebelum ujian air kencing dilakukan terhadapnya.

Suspek kini ditahan serta-merta bagi membantu



“ Suspek datang ke balai untuk buat laporan kes kemalangan jalan raya Mohd Zani ”